

MAJLIS PERBANDARAN SIBU
(Pejabat Pegawai Pengurus N. 51 – BUKIT ASSEK)

KENYATAAN TAWARAN (SEBUT HARGA)

Tawaran adalah di pelawa kepada kontraktor-kontraktor **tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang sah dan masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya sehingga **tarikh Pilihan Raya Umum DUN Sarawak Ke-12 selesai / (18.12.2021)** bagi menyertai sebut harga di bawah:-

Kod Bidang	Perkara	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga
B0224301	Sewa kenderaan penumpang termasuk sewa van, bas, kereta, motosikal dan skuter	258 dlm SMC/SPR N.51/PRU12/3	Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan Darat untuk membawa petugas-petugas pilihan raya dalam Bahagian Pilihan Raya N. 51 – BUKIT ASSEK
B0224999	Bayaran-bayaran sewa yang lain	259 dlm SMC/SPR N.51/PRU12/3	Sewaan khemah untuk Barung bagi kegunaan Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP) pilihan raya dalam Bahagian Pilihan Raya N. 51 – BUKIT ASSEK
B0224699	Sewa alat kelengkapan elektronik yang lain	260 dlm SMC/SPR N.51/PRU12/3	Sewaan Mesin Fotostat bagi kegunaan di Pusat Penamaan Calon (PPC) dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU) pilihan raya dalam Bahagian Pilihan Raya N. 51 – BUKIT ASSEK
B0229126	Perkhidmatan persediaan makanan	262 dlm SMC/SPR N.51/PRU12/3	Menyediakan Makan Dan Minum Pada Hari Penamaan Calon, Hari Semakan Peti Undi Dan Sesi Penjumlahan Rasmi Undi dalam Bahagian Pilihan Raya N. 51 – BUKIT ASSEK
B0229126	Perkhidmatan persediaan makanan	263 dlm SMC/SPR N.51/PRU12/3	Menyediakan Kupon Untuk Makan Dan Minum Bagi Petugas-Petugas SPR Pada Hari Pengundian dalam Bahagian Pilihan Raya N. 51 - BUKIT ASSEK
Tarikh, Masa & Tempat Mendapatkan Dokumen Tawaran Sebut Harga			Tarikh dan Masa Tutup Sebut Harga
Tarikh: 25.11.2021 – 30.11.2021 Masa: 8:00 pagi – 4:00 petang Tempat: Majlis Perbandaran SibU, Bahagian Kewangan Tingkat 19, Wisma Sanyan, SibU			01.12.2021 (Rabu) tepat jam 12:00 tengah hari

Dokumen tawaran sebut harga boleh diperolehi **secara percuma** pada Tarikh dan masa di alamat seperti di atas dengan menunjukkan **SIJIK ASAL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DALAM KOD BIDANG YANG BERKAITAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan menyerahkan satu Salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan dokumen sebut harga.

Dokumen tawaran sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya yang SAH sahaja dengan membawa **“SURAT PERWAKILAN KUASA”** yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga bagi pihak syarikat. Wakil yang sah hanya dibenarkan mewakili satu (1) syarikat sahaja.

Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebut harga sahaja.

Borang Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan Nombor Sebut Harga dan dimasukkan ke peti sebut harga pada atau sebelum 01.12.2021 pada jam: 12:00 tengah hari di:-

PEJABAT PEGAWAI PENGURUS
N. 51 – BUKIT ASSEK
d/a Majlis Perbandaran Sibü
Pejabat Arkitek Lanskap
Bahagian Perundangan dan Lanskap
Tingkat 21, Wisma Sanyan, No. 1 Jalan Sanyan
96000 Sibü, SARAWAK

Sebut harga adalah sah dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari selepas tarikh tutup. Sekiranya tuan / puan tidak menerima makluman selepas tempoh tersebut sila anggap sebut harga yang dikemukakan tidak berjaya.

Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan SEMUA dokumen sokongan yang di minta oleh pejabat ini. Penyebut Harga yang gagal mengemukakan ke semua dokumen yang di minta, maka pejabat ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Penyebut Harga.

Tawaran Sebut Harga yang lewat di terima sepertimana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran. Keputusan yang dibuat adalah MUKTAMAD.

(ANGELA SWIN)
Pegawai Pengurus
N.51 – BUKIT ASSEK

Tarikh: 24 November 2021